

Kediaman MB jadi BH 1 1 AUG 2000 tumpuan penyokong

**Pemimpin BN
menyampaikan rasa
simpati terhadap
Abu Hassan
berikutan peletakan
jawatannya sebagai
Menteri Besar**

Oleh Minarni Mat Saad

SHAH ALAM, Khamis – Kediaman rasmi Menteri Besar Selangor di Bukit Megawati, Seksyen 7 di sini, hari ini, dikunjungi ratusan penyokong Barisan Nasional (BN) kebanyakannya anggota parti komponen Umno, MCA dan MIC sebaik sahaja berita peletakan jawatan Datuk Seri Abu Hassan Omar tersebar.

Kehadiran mereka untuk menyampaikan rasa simpati terhadap Abu Hassan berikutan khabar angin yang sebelum ini menjadi tanda tanya tetapi disahkan pagi ini oleh satu kenyataan daripada Pejabat Perdana Menteri.

Kebanyakan yang hadir terkejut dengan berita itu dan berpendapat ia sesuatu di luar dugaan berikutan sikap Abu Hassan yang sentiasa tenang dalam menghadapi sebarang keadaan termasuk pelbagai kontroversi yang melanda Selangor sejak beliau memegang jawatan itu Julai 1997.

Sejak semalam, kediaman Menteri Besar dikunjungi pucuk pimpinan Selangor termasuk Ahli Majlis Kerajaan Negeri, Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun), Ahli Parlimen, Pemuda Umno dan Wanita berpusu-pusu memasuki kediaman MB bagi mendapatkan penjelasan.

Timbalan Pengerusi Badan Perhubungan Umno Negeri, Tan Sri Muhammad Muhd Taib, berkata beliau mengetuai delegasi Umno Selangor bertemu dengan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada jam 8.30 pagi dan mendapatkan pengesahan mengenai peletakan jawatan Abu Hassan.

“Selepas itu, satu mesyuarat diadakan antara Adun, Pemuda Umno dan pemimpin Wanita di ibu pejabat Umno Selangor untuk mendapatkan pandangan mereka mengenai perkara ini,” katanya yang turut mengunjung Abu Hassan di Bukit Megawati, kira-kira jam 12 tengah hari.

Menurutnya, Badan Perhubungan Umno Negeri akan menyerahkan senarai nama calon Menteri Besar kepada Dr Mahathir esok.

Ditanya mengenai peletakan jawatan itu, Muhammad berkata, beliau mendapat tahu mengenainya kira-kira jam 12 tengah malam tadi.

“Saya terkejut dan sedih dengan berita ini. Saya terns bergegas ke Bukit Megawati untuk mengesahkan khabar angin itu,” katanya.

Sementara itu, Ketua Pemuda Umno Selangor, Dr Karim Mansor berkata, Pemuda Umno terkejut dengan berita itu kerana tiada tanda beliau akan

berbuat demikian.

Sementara itu, beberapa kakitangan Pejabat Menteri Besar yang ditemui melahirkan rasa sedih tetapi akur dengan keputusan Abu Hassan untuk meletakkan jawatan dan menjalani kehidupan sebagai rakyat biasa.

Setiausaha Politik Menteri Besar, Datuk Abdul Aziz Noh yang berkhidmat sejak 22 tahun lalu, berkata pucuk pimpinan negeri dan rakyat harus menghormati keputusan Abu Hassan untuk berundur selepas sekian lama berkhidmat dalam kerajaan.

“Jika masa sudah tiba untuk berundur, kita berundur. Pada saya beliau seorang ‘perfect gentleman’ dalam menangani semua masalah dan tohmahan yang dilemparkan kepadanya dan sebagai seorang yang bertanggungjawab beliau tidak mahu menjejaskan nama parti dan sedia

berundur dengan cara baik,” katanya.

Menurutnya, sepanjang tempoh perkhidmatan dengan Abu Hassan, beliau mengenalinya sebagai seorang yang mempunyai ‘style’ tersendiri dalam bekerja.

“Paling penting beliau tidak membuat keputusan sendiri sebaliknya sentiasa mendapatkan nasihat pegawai. Kita naik dan kita turun, jadi kita mahu dia berundur dengan baik,” katanya.

Bagaimanapun, katanya, sebagai anggota parti yang sentiasa patuh dengan pucuk pimpinan, Abu Hassan yang juga Pengerusi Badan Perhubungan Umno Bahagian Kuala Selangor dan Adun Permatang akan meneruskan tugasnya kepada rakyat selagi diperlukan.

Pembantu Tadbir Pejabat Menteri Besar, Mohd Isa Ishak, berkata Abu Hassan adalah seorang yang sentiasa berhati-hati dalam

melaksanakan tugas serta tidak pernah meninggikan suara kepada kakitangan.

Pegawai Akhbar, Dasuki Karison, berkata selama 13 tahun berkhidmat dengan Abu Hassan sejak di Kementerian Luar Negeri, beliau memperolehi banyak pengalaman pahit manis.

Menurutnya, sebagai seorang pentadbir beliau bersedia menerima dan mendengar pandangan kakitangan sebelum membuat keputusan.

“Memang ada yang mengatakan beliau slow tetapi sebenarnya beliau amat teliti dan berhati-hati sertabertanggungjawab.

“Beliau tidak pernah marah dan tidak pernah meninggikan suara kepada kakitangan. Jika tidak puas hati, beliau akan memanggil dan memarahi tanpa memandang muka kita serta tunduk sambil bercakap,” katanya.